

BAB 5

RUMUSAN DATA, IMPLIKASI KAJIAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincarakan empat aspek pembahagian iaitu rumusan data, implikasi kajian, kesimpulan dan cadangan daripada hasil kajian yang diperoleh. Perbincangan akan cuba mengupas dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah ditetapkan dan dapatan kajian dianalisis mengikut setiap objektif bagi mencari jawapan yang menepati matlamatnya. Selaras dengan ini, kesimpulan akan dibuat daripada semua aspek dapatan yang dikaji dan cadangan penambahbaikan akan disenaraikan untuk rujukan selanjutnya.


Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana pelajar IPTA prihatin terhadap pelaksanaan projek *MSC* iaitu tujuh aplikasi perdana yang dibentuk oleh kerajaan. Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini *pertama*, mengukur tahap keprihatinan pelajar IPTA yang peka tentang pelaksanaan projek pembangunan kerajaan iaitu Kerajaan Elektronik, Teleperubatan, Sekolah Bestari, Kad Pintar Pelbagai Guna, Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan Pengilangan Sedunia dan Pemasaran Tanpa Sempadan. *Kedua*, mengukur keberkesanan peranan media elektronik dalam melaksanakan aplikasi multimedia terhadap golongan pelajar selaras dengan pembangunan *ICT* dan multimedia dalam dunia akademik. *Ketiga*, mengukur sejauh mana penglibatan pelajar dalam pelaksanaan aplikasi ini selaku pelajar yang bertanggungjawab dalam pembangunan negara. Ketiga-tiga objektif ini akan dibincangkan dalam rumusan data untuk melihat sejauh mana kajian boleh menjawab persoalan yang diajukan.

5.2 Rumusan Data

Perbincangan akan difokuskan kepada semua dapatan kajian termasuk latar belakang responden yang dikaji. Hasil yang dikumpulkan mendapati bahawa kelima-lima aspek iaitu peringkat pengajian, bidang pengajian, gender, etnik dan umur memainkan peranan yang berkaitan di antara satu dengan yang lain dalam menguatkan hujahan analisis ini. Kesemua data yang dipaparkan dalam Bab 4: Dapatan dan Analisis, bilangan 4.4 Pengumpulan Data, pada halaman 91-142 akan diulangi dan diperturunkan semula untuk dirumuskan dalam perbincangan tentang implikasi kajian.

Oleh itu, pada peringkat pengajian, data dalam Jadual 4.2 atau Rajah 4.2 menunjukkan responden tahap pertengahan mencatatkan peratus yang tertinggi iaitu 34.3% atau 411 pelajar. Kedua tertinggi ialah tahap awal iaitu 31.1 atau 373 pelajar. Data dalam Rajah 5.1 di bawah merumuskan bahawa pelajar dalam lingkungan umur 19 tahun sehingga 24 tahun merupakan responden yang paling banyak menjawab soal selidik yang diedarkan tetapi jumlah yang tertinggi ialah pelajar berumur 20 tahun dengan 27.8% atau 333 pelajar, 23.5% atau 282 pelajar berumur 21 tahun dan 18.5% atau 222 pelajar berumur 22 tahun.

Rajah 5.1: Tahap Pengajian Responden Mengikut Umur.



Dalam bidang pengajian pula, kesemua responden daripada pelbagai aliran Sastera, Sains, Ekonomi, Undang-Undang, Bahasa dan sebagainya turut terlibat dalam

menjawab soal selidik yang diedarkan. Data yang dikumpulkan daripada 10 universiti yang dikaji mendapati bahawa peratus bidang pengajian responden yang tertinggi ialah pelajar daripada bidang pengajian Kejuruteraan, Ekonomi dan Pengurusan, Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar, Ilmu Kemanusiaan, Komunikasi dan Bahasa Moden, Sains Sosial dan Ekonomi dan Perniagaan.

Jadual 4.3 atau Rajah 4.3 menunjukkan peratus bidang pengajian yang tertinggi di UM ialah bidang Kejuruteraan sebanyak 9.0% atau 18 pelajar, manakala Ekonomi dan Pentadbiran, Pendidikan, Sains Sosial dan Undang-Undang mencatatkan 7.0% atau 14 pelajar. Peratus bidang pengajian di UKM dalam Jadual 4.4 atau Rajah 4.4 pula menunjukkan peratus yang tertinggi ialah bidang Kejuruteraan, Pendidikan, Ekonomi dan Perniagaan, Sains Kesihatan Bersekutu dan Sains Sosial dan Kemanusiaan dengan mencatatkan 10.4% atau 13 pelajar. Di UPM (Jadual 4.5 atau Rajah 4.5), peratus bidang pengajian yang tertinggi ialah bidang Ekonomi dan Pengurusan dengan 14.4% atau 18 pelajar dan bidang Sains sebanyak 12.8% atau 16 pelajar. Jadual 4.6 atau Rajah 4.6 mencatatkan peratus bidang pengajian yang tertinggi di UIAM ialah bidang Seni Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar sebanyak 15.2% atau 19 pelajar manakala bidang Undang-Undang dan Ilmu Pengetahuan Wahyu dan Sains Kemanusiaan mencatatkan 12.8% atau 16 pelajar. Di UiTM (Jadual 4.7 atau Rajah 4.7), tiga bidang pengajian memperlihatkan peratus yang tertinggi iaitu bidang Kejuruteraan, Seni Bina, Perancangan dan Ukur dan Sains mencatatkan 15.2% atau 19 pelajar.

Di Kawasan Utara iaitu USM (Jadual 4.8 atau Rajah 4.8), kebanyakan responden yang menjawab soal selidik ialah daripada bidang pengajian Ilmu Kemanusiaan sebanyak 17.0% atau 17 pelajar, Ilmu Pendidikan 14.0% atau 14 pelajar dan Sains Kajihayat 12.0% atau 12 pelajar. Di UUM (Jadual 4.9 atau Rajah 4.9), menunjukkan peratus bidang yang tertinggi ialah bidang Komunikasi dan Bahasa Moden mencatatkan 36.0% atau 36 pelajar dan Ekonomi Pengurusan dan Perniagaan

dengan 14.0% atau 14 pelajar. Manakala di Kawasan Selatan iaitu UTM (Jadual 4.10 atau Rajah 4.10), peratus responden yang tertinggi menjawab soal selidik ialah daripada bidang Kejuruteraan Elektrik sebanyak 31.0% atau 31 pelajar dan Sains Informasi mencatatkan 18.0% atau 18 pelajar.

Responden di Malaysia Timur iaitu UMS (Jadual 4.11 atau Rajah 4.11), merekodkan peratus tertinggi dalam bidang Sains Sosial sebanyak 19.0% atau 19 pelajar dan Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat 11.0% atau 11 pelajar. Manakala di UNIMAS (Jadual 4.12 atau Rajah 4.12), kebanyakan responden yang menjawab soal selidik yang diedarkan ialah pelajar daripada bidang Ekonomi dan Perniagaan, Kejurutreaan, Seni Gunaan dan Kreatif, Komputer Sains dan Teknologi Maklumat dan Sains Sosial dengan mencatatkan peratus sebanyak 13.0% atau 13 pelajar.

Analisis data juga mengambil kira faktor lain seperti gender dan etnik dalam melihat latar belakang responden. Berdasarkan Jadual 4.13 atau Rajah 4.13 di atas, didapati bahawa golongan responden perempuan memainkan peranan yang tinggi dalam menjawab soal selidik yang diajukan. Peratus mereka ialah 55.3% atau 663 pelajar berbanding pelajar lelaki sebanyak 44.7% atau 537 pelajar. Manakala golongan pelajar Melayu (Jadual 4.14 atau Rajah 4.14), merupakan peratus golongan yang tertinggi menjawab soal selidik ini. Jumlah mereka ialah 55.3% atau 663 pelajar berbanding golongan Cina 29.9% atau 359 pelajar, India 5.3% atau 63 pelajar dan lain-lain sebanyak 9.5% atau 115 pelajar.

Kajian turut melihat tahap pengetahuan responden terhadap *MSC*. Maklumat tentang pengenalan logo, objektif penubuhan, tahun penubuhan dan identiti bentuk *MSC* diketahui oleh sebahagian daripada jumlah keseluruhan responden. Jadual 4.16 atau Rajah 4.16(a) dan Rajah 4.16(b) menunjukkan 94.8% atau 1137 pelajar pernah melihat logo *MSC* dan 92.4% atau 1109 pelajar mengetahui nama logo itu. Sebahagian responden lagi 83.2% atau 998 pelajar (Jadual 4.17) turut mengetahui objektif *MSC*,

66.5% atau 798 pelajar mengetahui *MSC* itu ialah Projek Nasional dan 26.9% atau 323 pelajar mengetahui tahun penubuhan *MSC*. 35.2% atau 422 pelajar lain (Jadual 4.20) juga mengetahui tentang pengurusan dan pentadbiran *MSC*, 73.8% atau 886 pelajar mengetahui siapa yang menguruskan *MSC* dan 65.1% atau 781 pelajar mengetahui kawasan yang terlibat dalam persekitaran *MSC*. 30.5% atau 366 pelajar (Jadual 4.21) mengetahui undang-undang *MSC* dan 45.7% atau 548 pelajar mengetahui Laman Web kerajaan.

Responden turut ditanya tentang pengenalan mereka terhadap aplikasi multimedia dan fungsinya. Hampir kesemua responden 58.0% atau 696 pelajar (Jadual 4.22) mengetahui sijil perkahwinan itu bukan fungsi MyKad dan sejumlah 75.4% atau 905 pelajar (Jadual 4.34 atau Rajah 4.26(a)) mengetahui tentang penggunaan Kad Pintar sepenuhnya. Jadual 4.22 menunjukkan 63.8% atau 765 pelajar mengetahui e-kerajaan itu ialah kualiti perkhidmatan kerajaan, 47.1% atau 565 pelajar mengetahui e-khidmat ialah aplikasi ‘on-line’, 39.8% atau 477 pelajar mengetahui telekesihatan ialah kualiti perkhidmatan kesihatan dan 83.4% atau 1001 pelajar mengetahui Sekolah Bestari merupakan pendidikan yang berteraskan sistem komputer.

Apabila ditanya tentang projek *MSC* yang diketahui oleh responden (Jadual 4.40), kebanyakan mereka menyatakan projek itu ialah Sekolah Bestari dengan jumlah peratus 5.1% atau 61 pelajar, 4.7% atau 57 pelajar mengatakan MyKad, manakala 13.3% atau 159 pelajar menandakan Multimedia Kreatif dan 74.4% atau 893 pelajar lagi tanpa kenyataan atau langsung tidak menjawab.

Data yang berikut dalam Rajah 4.22, Jadual 4.27 dan Jadual 4.28 menjawab soalan Bahagian (B) bilangan (1) dalam Lampiran 1, menunjukkan kebanyakan responden menyenaraikan Kad Pelbagai Guna sebagai peratus tertinggi dalam ketiga-tiga inisiatif mempromosikan penggunaan maklumat dan telematik. Jumlah peratus mengikut inisiatif pertama, kedua dan ketiga ialah 20.7% atau 248 pelajar, 12.3% atau

148 pelajar dan 7.1% atau 85 pelajar. E-kerajaan 0.9% atau 11 pelajar, 0.5% atau enam pelajar dan 0.5% atau enam pelajar. Sekolah Bestari 0.5% atau enam pelajar, 0.8% atau sembilan pelajar dan 0.4% atau lima pelajar. Telekesihatan 0.2% atau dua pelajar, 0.6% atau tujuh pelajar dan 0.7% atau lapan pelajar dan jumlah lain-lain tanpa kenyataan ialah 72.6% atau 872 pelajar, 79.0% atau 946 pelajar dan 86.2% atau 1034 pelajar. Kebanyakan peratus penyenaraian ini tidak tinggi tetapi mencapai tahap sederhana rendah dan memadai untuk dijadikan landasan pengukuran tahap pengetahuan responden.

Jadual 4.30 atau Rajah 4.24 menunjukkan hampir keseluruhan responden 81.4% atau 977 pelajar mengetahui tentang Laman Web kerajaan dan 71.3% atau 855 pelajar (Jadual 4.31 atau Rajah 4.25) mengetahui polisi Laman Web ini dan 58.4% atau 701 pelajar (Jadual 4.32) menyatakan sebahagian daripada polisi tersebut telah dilaksanakan. Namun, terdapat juga responden 26.8% atau 321 pelajar (Jadual 4.35) yang menyatakan tahap celik *IT* masih pada tahap yang rendah dan ini merupakan faktor penghalang kepada perkembangan ‘on-line’. Kebanyakan responden 38.3% atau 459 pelajar (Jadual 4.33) menyuarakan kerajaan sepatutnya mensubsidikan pembelian komputer termasuk pengecualiaan cukai dan 28.0% atau 336 pelajar mencadangkan perkhidmatan asas internet disubsidikan.

Kebanyakan responden 36.0% atau 432 pelajar (Jadual 4.36 atau Rajah 4.27) mendapatkan maklumat melalui saluran media cetak iaitu melalui pembacaan surat khabar dan bahan bacaan lain. Kekerapan membaca membantu mereka mendapatkan maklumat yang diperlukan dan juga mengetahui tentang perkembangan maklumat terkini. Begitu juga dengan 29.5% atau 354 pelajar dan 36.2% atau 434 pelajar (Jadual 4.38) mendapatkan maklumat daripada menonton berita di televisyen setiap hari atau dua hingga tiga kali seminggu.

Sejumlah responden 79.2% atau 950 pelajar (Jadual 4.39) pula mempunyai komputer peribadi dan 99.2% atau 1190 pelajar menggunakan komputer untuk membuat tugas dan melayari internet. 37.8% atau 454 pelajar (Jadual 4.18 atau Rajah 4.17) menyatakan mereka mengenali logo *MSC* melalui media elektronik manakala 39.0% atau 467 pelajar mengetahuinya melalui media lain. Begitu juga dengan pengetahuan maklumat tentang *MSC*, kebanyakannya responden 37.2% atau 446 pelajar (Jadual 4.19 atau Rajah 4.18) mengetahuinya melalui media elektronik dan 31.7% atau 380 pelajar (Jadual 4.25 atau Rajah 4.20) mengetahui maklumat tentang *MDC* melalui televisyen, akhbar 17.8% atau 213 pelajar dan internet 16.3% atau 195 pelajar.

Oleh itu, kajian menyimpulkan bahawa pelbagai saluran media turut membantu responden mendapatkan maklumat dan media elektronik ternyata merupakan teknologi terkini yang digunakan oleh mereka. Secara keseluruhan, responden 49.0% atau 588 pelajar (Jadual 4.41) turut bersetuju dengan kenyataan *MSC* itu merupakan satu perkara yang baik dan meletakkan mereka dalam kategori orang yang berpengalaman dalam dunia yang baru. Peratus jawapan yang tertinggi 53.4% atau 641 pelajar didapati menyokong kenyataan yang menyatakan ia amat baik untuk masyarakat dalam konteks untuk memajukan dan membangunkan negara. Begitu juga apabila ditanya tentang kenyataan *MSC* (Jadual 4.24), semua responden memberi tanggapan yang baik terhadap kenyataan ini. 28.4% atau 341 pelajar meletakkan Malaysia terkehadapan dalam teknologi *ICT* dan 22.3% atau 267 pelajar menyatakan ini adalah satu permulaan yang baik untuk negara.

Kajian juga mendapati cadangan yang diberikan oleh responden itu memperlihatkan mereka masih memerlukan banyak lagi maklumat tentang *MSC*. Cadangan mereka memperbanyak promosi, iklan dan penyebaran risalah di samping mengadakan ceramah, seminar dan kempen adalah bertujuan untuk meluaskan

pengetahuan masyarakat tentang *MSC* dan pengetahuan terhadap pelaksanaan projek multimedia.

5.3 Implikasi Kajian

Secara keseluruhan, rumusan data yang digarapkan daripada semua data yang dikumpulkan akan dibincangkan bagi menjawab persoalan yang dikaji. Dalam objektif pertama yang dikaji, persoalan yang ditimbulkan ialah:

5.3.1 Perbincangan Objektif Pertama

Mengukur tahap keprihatinan pelajar IPTA yang peka tentang projek pembangunan kerajaan iaitu MSC yang berkait dengan Kerajaan Elektronik, Teleperubatan, Sekolah Bestari, Kad Pintar Pelbagai Guna, Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan Pengilangan Sedunia dan Pemasaran Tanpa Sempadan

Menjawab persoalan ini, rumusan data yang dikumpulkan di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden daripada bidang pengajian yang mempunyai peratus data yang tertinggi banyak menjawab soal selidik yang diedarkan. Namun, jumlah responden yang lain juga turut menjawab walaupun dalam peratus yang agak rendah. Oleh itu, hanya sebahagian sahaja daripada jumlah bidang pengajian yang tertinggi dalam peratusan diambil kira dalam analisis, penilaian dan perbincangan walaupun kajian melibatkan semua bidang pengajian yang ada di setiap universiti.

Hasil kajian mendapati latar belakang responden yang memberi tindak balas ialah yang berumur antara 20 tahun sehingga 22 tahun, berada di tahap pengajian pertengahan dan tahap akhir iaitu Tahun Dua, Tahun Tiga, Tahun Empat dan Tahun Lima. Kebanyakan mereka beraliran Sastera dan Sains yang kebanyakannya dalam bidang pengajian Kejuruteraan, Sains, Sains Sosial dan Sains Kemanusiaan. Responden berbangsa Melayu keseluruhannya daripada pelajar perempuan merupakan golongan

yang banyak terlibat memberikan kerjasama dalam menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka.

Ciri-ciri yang dipunyai oleh responden ini menunjukkan mereka matang dalam pemikiran, teliti dalam membuat penilaian, peka dalam pemerhatian, cekap membuat pilihan dan bijak membuat keputusan secara rasional. Ini selaras dengan ‘Teori Kegunaan dan Penuasan’ yang mengandaikan bahawa setiap individu itu akan menggunakan segala maklumat yang ada untuk mendapatkan sesuatu keperluan yang diinginkan. Keperluan dalam konteks ini merupakan keperluan yang berguna untuk pengajian seperti menambahkan ilmu dalam pendidikan atau meluaskan ilmu pengetahuan bagi membangunkan minda dan imej diri. Dengan ini, tingkah laku individu akan dipengaruhi oleh keperluan dan minat yang mendorong mereka membuat keputusan dan bukanlah oleh ciri-ciri yang dimiliki oleh kandungan media.

Tetapi apabila teori ini disesuaikan dengan konsep Masyarakat Bermaklumat yang mengandaikan setiap individu itu harus mengikuti perkembangan ilmu yang pelbagai bagi menyiapkan diri menjadi pelajar yang berilmu, maka konteks yang menyatakan ciri-ciri kandungan media itu tidak penting akan menjadi keutamaan kepada mereka dalam mencari sebanyak mungkin ilmu untuk pembangunan minda dan seterusnya pembangunan negara. Kandungan media mempunyai pelbagai maklumat yang disediakan dengan tujuan untuk diguna dan difahami oleh khalayak. Walaupun begitu, lempahan maklumat atau ‘ledakan maklumat’ yang pelbagai ini tetap dikawal penyebarannya oleh pihak yang tertentu bagi tujuan mengekalkan kualiti kandungannya dan mengelak berlakunya sebarang jenayah yang tidak sihat.

Konteks ini juga bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan setiap pelajar harus mendapatkan pengetahuan yang diperlukan sebagai landasan untuk membangunkan k-ekonomi dan IPT dijadikan tumpuan selaku pusat pembangunan dan perkembangan ilmu pengetahuan kerana di sinilah lahirnya generasi

muda yang akan membawa inovasi dalam pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Secara tidak langsung, pelajar akan menerima dan menmanfaatkan maklumat yang ada di persekitaran mereka sebagai maklumat yang berguna untuk membangunkan diri dalam era maklumat yang global.

Justeru itu, mereka akan turut prihatin dengan segala maklumat yang ada di persekitaran sama ada mereka memperolehnya melalui pembacaan, tontonan, pendengaran dan pengamatan terhadap sesuatu isu yang dipaparkan. Dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh media tertentu juga membantu untuk menarik minat pelajar supaya mengikuti perkembangan maklumat yang ada di sekeliling mereka.

Daripada pengamatan pengkaji terhadap pengetahuan, penglibatan dan pandangan responden tentang *MSC*, mendapati kebanyakan responden sememangnya berminat untuk mengetahui dan memahami perkembangan projek *MSC* dari semasa ke semasa. Tetapi kajian mendapati minat responden itu tidaklah mencapai tahap keprihatinan sepenuhnya atau seratus peratus kerana terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada minat ini. Jika kita renung kembali perkataan ‘prihatin’ yang telah diberikan difinisinya dalam Bab 1, memberi pengertian *kesungguhan menunjukkan minat atau memberikan perhatian berat terhadap sesuatu perkara*.

Kajian mendapati responden tidak boleh menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh terhadap pelaksanaan ini kerana mereka tidak mempunyai masa untuk melakukannya. Keadaan ini dapat dibuktikan oleh hasil kajian dalam Jadual 4.40 menunjukkan peratus responden yang mengetahui projek *MSC* adalah amat rendah. Dapat dirumuskan, responden mengetahui dua projek *MSC* sahaja dengan peratus sebanyak 5.1% atau 61 pelajar untuk projek Sekolah Bestari dan 4.8% atau 57 pelajar untuk projek MyKad. Manakala pengetahuan responden lain adalah mendatar dan kurang menggalakkan seperti 0.6% atau tujuh pelajar untuk e-kerajaan, 0.3% atau empat pelajar untuk Telekesihatan dan 13.3% atau 159 pelajar mengatakan Multimedia

Kreatif yang mana ini bukan merupakan projek *MSC*. Kebenaran dapat dibuktikan lagi dengan peratus responden yang paling tinggi 74.4% atau 893 pelajar langsung tidak menjawab dan ini menunjukkan mereka tidak mengenali langsung projek *MSC*.

Keadaan ini sama dalam situasi apabila responden diminta menyenaraikan inisiatif bagi mempromosikan penggunaan maklumat dan telematik di dalam kerajaan dan perkhidmatan awam. Kebanyakan responden kurang mengetahui inisiatif ini dan Rajah 4.22, Jadual 4.27 dan Jadual 4.28 menunjukkan peratus yang diperoleh adalah rendah contohnya, Sekolah Bestari, hanya 0.5% atau enam pelajar untuk inisiatif pertama, 0.8% atau sembilan pelajar untuk inisiatif kedua dan 0.4% atau lima pelajar untuk inisiatif ketiga. Begitu juga dengan e-kerajaan hanya 0.9% atau 11 pelajar untuk inisiatif pertama, 0.5% atau enam pelajar untuk inisiatif kedua dan 0.5% atau enam pelajar juga untuk inisiatif ketiga. Responden yang mengetahui Kad Pelbagai Guna menunjukkan peratus sebanyak 20.7% atau 248 pelajar untuk inisiatif pertama, 12.3% atau 148 pelajar untuk inisiatif kedua dan 7.1% atau 85 pelajar untuk inisiatif ketiga. Manakala peratus responden yang paling tinggi menjawab lain-lain tanpa kenyataan atau tidak menjawab langsung ialah 72.6% atau 872 pelajar untuk inisiatif pertama, 79.0% atau 946 pelajar untuk inisiatif kedua dan 86.2% atau 1034 pelajar untuk inisiatif ketiga.

Berdasarkan dapatan ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa pengetahuan responden tentang *MSC* adalah kurang yang menyebabkan mereka tidak dapat mengenal pasti projek *MSC*. Kebanyakan responden mungkin menggambarkan projek yang disenaraikan dalam soalan (8), Bahagian C atau dalam Jadual 4.40 (b) itu bukan projek *MSC* dan mereka mungkin tertanya-tanya apakah projeknya yang sebenar. Pengetahuan yang agak kurang tentang maklumat *MSC* ini dapat dibuktikan dalam Jadual 4.17 (b) yang bertanya tentang tahun penubuhan *MSC*. Hanya 26.9% atau 323 pelajar sahaja yang menjawab betul manakala peratus soalan lain yang menjawab betul

pun masih tidak mencapai tahap seratus peratus. Berkemungkinan juga responden kebetulan meneka dengan tepat jawapan yang diberikan itu.

Keadaan ini bercanggah dengan hasil dapatan data dalam Jadual 4.22 yang menjelaskan bahawa kebanyakan responden mengetahui tentang fungsi dan aplikasi multimedia. Apabila ditanya tentang *sijil perkahwinan*, 58.0% atau 696 pelajar mengatakan *itu bukan fungsi MyKad, E-Kerajaan*, sejumlah 63.8% atau 765 pelajar mengatakan *itu ialah kualiti perkhidmatan kerajaan* dan 39.8% atau 477 pelajar mengatakan *Telekesihatan itu ialah kualiti perkhidmatan kesihatan*. Berdasarkan percanggahan ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa hanya sebilangan responden sahaja yang mengetahui aplikasi dan fungsi projek tersebut dan ini mungkin disebabkan jawapan yang diberikan dalam soalan mendorong mereka untuk memilih jawapan yang tepat contohnya, *Sekolah Bestari itu ialah sistem pendidikan*, jawapan yang diberikan itu mudah untuk responden mengaitkan sekolah dengan sistem pendidikan dan dengan ini mereka tepat menjawab soalan.

Tetapi secara keseluruhannya, apabila ditanya tentang skala kedudukan *MSC*, kebanyakan responden atau peratus yang rendah 23.9% atau 287 pelajar (Jadual 4.23 atau Rajah 4.19) sahaja meletakkan *MSC* pada kedudukan yang tertinggi dan Jadual 4.24 menunjukkan sejumlah 22.3% atau 267 pelajar pula memberikan tanggapan mereka terhadap *MSC* dengan menyatakan *ia adalah ‘permulaan’ yang baik* manakala Jadual 4.32 menunjukkan peratus tertinggi 58.4% atau 701 pelajar menyatakan *polisi celik IT itu ada tetapi hanya sebahagian sahaja dilaksanakan*. Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa maklumat *MSC* itu masih belum mantap untuk diketahui oleh responden. Justeru, situasi ini memperlihatkan responden kurang prihatin terhadap projek yang dilaksanakan oleh *MSC* dan keadaan ini memungkinkan *MDC* dan media memainkan peranan yang lebih agresif dalam menyebarkan maklumat *MSC* kepada pelajar.

Peratus yang diperoleh daripada pengetahuan responden terhadap pengurusan dan pentadbiran *MSC* dan *MDC* menunjukkan tahap yang sederhana iaitu 37.2% atau 446 pelajar (Jadual 4.19 atau Rajah 4.18) mengetahui maklumat *MSC* melalui media elektronik dan 31.7% atau 380 pelajar (Jadual 4.25 atau rajah 4.20) mengetahui maklumat *MDC* melalui televisyen. Boleh dikatakan responden mengetahuinya disebabkan mereka terlibat dalam pelaksanaan tersebut contohnya, dalam penggunaan Kad Pelbagai Guna. Responden menggunakan kad matriks sebagai pengenalan diri, mereka juga menggunakan kad *ATM* untuk pengeluaran wang dan menggunakan kad ‘*Touch N Go*’ untuk pembayaran tol dan pembayaran tiket menaiki *LRT* dan sebagainya. Mereka tidak mengetahui tentang Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan Pengilangan Sedunia dan Pemasara Tanpa Sempadan secara sepenuhnya.

Kajian yang dilakukan ke atas responden ini bukanlah bertujuan untuk mendapatkan jawapan yang sepenuhnya daripada mereka. Pengkaji memahami keadaan mereka sebagai pelajar yang harus menumpukan sepenuh masa kepada pelajaran dan latihan yang diberikan. Matlamat utama responden memasuki universiti adalah untuk lulus peperiksaan dan mendapat ijazah bagi menjamin masa depan mereka. Oleh itu, mereka memberikan sepenuh perhatian kepada pelajaran dan mendapatkan maklumat am yang lain merupakan faktor seiring yang menjadi pendorong kedua kepada mereka.

Keadaan ini menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai masa sepenuhnya untuk menumpukan perhatian terhadap projek pelaksanaan kerajaan. Ini dapat dibuktikan dengan responden bidang perubatan, apabila ditemubual secara bersemuka, mereka menjawab, “ kami tidak mempunyai masa untuk mendapatkan maklumat ini kerana kami sentiasa di bilik makmal membuat tugas”.

Kebanyakan komputer yang digunakan oleh responden pula adalah untuk membuat tugasan dan hanya sedikit waktu sahaja yang diluangkan untuk melayari internet. Melayari internet di Kafe Siber juga tidak menunjukkan peratus yang tinggi kerana responden mungkin tidak mempunyai masa untuk berbuat demikian atau kerana mereka terpaksa membayar untuk menggunakan internet. Tambahan pula penggunaan komputer di kampus adalah untuk kegunaan semua dan responden terpaksa bergilir-gilir menggunakannya.

Oleh sebab itu, kajian mendapati responden memberikan sokongan yang tinggi agar kerajaan mensubsidikan pembelian komputer termasuk pengecualian cukai dan mensubsidikan juga perkhidmatan asas internet. Dengan ini mereka mungkin boleh menggunakan komputer dan melayari internet untuk mendapatkan maklumat secara maksimum. Seiring dengan ini juga, kurikulum sistem pendidikan negara harus diselaraskan semula bagi meluangkan masa kepada responden untuk melibatkan diri dalam projek kerajaan melalui pendedahan kursus, seminar, bengkel dan sebagainya. Pendedahan ini merupakan landasan awal sebagai persiapan untuk menjadikan diri mereka sebagai sumber tenaga manusia yang berkelayakan dan berguna kepada negara, (Rujuk Lampiran D: Pelajar IPT Dibenar Ikuti Kursus Kemahiran)

Menjawab persoalan ini, nyata dan jelas pengetahuan responden terhadap pelaksanaan projek aplikasi perdana hanyalah kepada beberapa aplikasi sahaja iaitu penggunaan Kad Pelbagai Guna, Kerajaan Elektronik, Teleperubatan dan Sekolah Bestari. Keprihatinan ini adalah disebabkan penglibatan mereka dalam penggunaannya seperti MyKad dan peranan yang dimainkan oleh media turut menyokong dalam menyebarkan maklumat ini kepada responden. Walaupun kebanyakan responden tidak mempunyai masa yang banyak untuk mendapatkan maklumat namun kecekapan mereka menerima maklumat ternyata rasional dan yang menjadi kelemahan di sini ialah maklumat *MSC* itu sendiri yang kekurangan untuk disebarluaskan secara meluas. Jelas,

MDC perlu lebih proaktif dalam hal ini kerana kebanyakan responden masih belum prihatin sepenuhnya terhadap pelaksanaan mereka.

Dalam objektif kedua, pengkaji meninjau:

5.3.2 Perbincangan Objektif Kedua

Keberkesanan peranan media elektronik dalam melaksanakan aplikasi multimedia terhadap golongan pelajar selaras dengan pembangunan ICT dan multimedia dalam dunia akademik

Media elektronik diertikan sebagai teknologi telekomunikasi dengan penggunaan komputer dalam kapasiti yang agak luar biasa seperti komputer, iklan televisyen, radio dan sebagainya. Hasil kajian mendapati bahawa media elektronik ini memainkan peranan yang utama dalam menyalurkan maklumat yang berguna kepada semua masyarakat. Ini bersesuaian dengan konsep pembangunan Teori Maklumat dan Komunikasi yang mengandaikan inovasi harus diusahakan supaya diketahui dan diterima sepenuhnya oleh khalayak. Komunikasi pembangunan adalah bertujuan untuk melaksanakan perancangan pembangunan dalam sesebuah negara tetapi penerimaannya akan bergantung kepada faktor persekitaran yang ada dan yang mempengaruhi mereka.

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden mengetahui pengenalan logo *MSC*, segala maklumat tentang *MSC* dan *MDC* serta laman web *MSC* melalui media elektronik. Sejumlah responden 31.7% atau 380 pelajar menyatakan mereka mendapat maklumat *MDC* melalui televisyen dan sebahagiannya daripada akhbar 17.8% atau 213 pelajar dan internet 16.3% atau 195 pelajar manakala maklumat lain diperoleh daripada kawan dan pensyarah atau guru dengan peratus yang agak rendah iaitu 7.9% atau 95 pelajar sahaja.

Pengkaji mendapati hasil dapatan ini memberi pengertian bahawa peranan yang dimainkan oleh media tidak cukup kuat untuk menyebarkan maklumat kepada semua responden kerana 41.9% atau 503 pelajar dalam Jadual 4.37 menunjukkan mereka membaca setiap hari dan 42.5% atau 510 pelajar membaca dua hingga tiga kali seminggu. Jadual 4.36 atau Rajah 4.27 menunjukkan responden yang membaca surat khabar ialah 36.0% atau 432 pelajar dan responden yang membaca bahan lain ialah 40.3% atau 485 pelajar. Begitu juga dengan menonton, Jadual 4.38 menunjukkan kebanyakan responden 29.5% atau 354 pelajar menonton setiap hari dan 36.2% atau 434 pelajar menonton dua hingga tiga kali seminggu. Tetapi kekerapan ini tidak membantu mereka mengetahui tentang projek *MSC* kerana data dalam Jadual 4.40 menunjukkan peratusan untuk mengenali projek ini tersangat rendah iaitu 0.6% atau tujuh pelajar mengetahui tentang e-kerajaan, 0.3% atau empat pelajar mengetahui tentang Telekesihatan dan 74.4% atau 893 pelajar langsung tidak menjawab dan tidak mengetahui projek *MSC* ini. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh media ini bukannya kurang tetapi kemungkinan juga maklumat yang disampaikan atau disalurkan itu tidak mencukupi dan tidak cukup kuat untuk menarik minat pembaca dan penonton. Ini dibuktikan dalam Jadual 4.34 atau Rajah 4.26(b), peratus responden yang tinggi 37.5% atau 450 pelajar tidak mengetahui di manakah Kad Pintar ini digunakan. Begitu juga dengan maklumat tentang inisiatif mempromosikan maklumat dan telematik, hampir 86.2% atau 1034 pelajar (Jadual 4.28) tidak dapat menjawab apakah inisiatif ini.

Oleh yang demikian, teori ‘Peluru Ajaib’ yang mengandaikan maklumat itu amat tepat menuju sasarannya dan memberikan impak yang berkesan kepada khalayak tanpa sebarang bantahan seharusnya disertai dengan ciri-ciri kekuatan mesej itu sendiri. Kekuatan mesej ialah menggunakan retorik bahasa yang menarik atau melalui bahasa

iklan yang berkesan. Dengan ini, media akan dapat menyalurkan maklumatnya kepada masyarakat secara berkesan.

Penyampaian maklumat yang disampaikan oleh seseorang yang berwibawa seperti Perdana Menteri, tokoh ternama atau pemimpin politik lain juga memainkan peranan dalam penyebaran ini. Pendapat dan kenyataan mereka tentang sesuatu isu akan disalurkan melalui saluran media tertentu dan kekuatan penyampaiannya itu boleh mempengaruhi seseorang kerana kesan media dalam Model Lasswell menyatakan proses komunikasi adalah sehala daripada sumber maklumat yang menyampaikannya dan seterusnya kepada khalayak yang dituju.

Walaupun konteks Masyarakat Bermaklumat mengandaikan responden harus mendapatkan sebanyak mungkin maklumat untuk pembangunan diri tetapi dalam Teori Kegunaan dan Pemuasan pula, menyatakan responden mempunyai kematangan yang rasional untuk membuat pilihan. Sebagai pelajar, mereka mempunyai kekangan dari segi masa begitu juga kewangan dan faktor inilah yang merupakan penghalang kepada mereka untuk berbuat sedemikian dan akhirnya, kita dapati maklumat yang diterima tidak mempengaruhi mereka sepenuhnya kerana mereka hanya menerima dan memilih sebahagian daripada maklumat tersebut.

Hasil kajian juga mendapati walaupun peranan yang dimainkan oleh media adalah untuk menyebarkan maklumat aplikasi ini namun, penyebarannya tidak begitu berkesan kepada responden. Penyebaran maklumat mengambil masa agak lama untuk difahami oleh khalayak khususnya maklumat yang dirancang mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Begitulah keadaannya dengan pelaksanaan projek *MSC* ini yang merupakan projek dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000) dan kini diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001 – 2005). Perancangan ini bersesuaian dengan ‘Teori Penentuan Agenda’ yang telah dijadikan oleh kerajaan

sebagai perancangan khusus dan isu ini harus diketahui oleh masyarakat untuk tujuan pembangunan negara.

Rancangan ini memerlukan peruntukan yang besar dan kemampuan ini sedikit-sebanyak akan menghalang perkembangannya dari semasa ke semasa. (Rujuk Lampiran E: Projek Pembinaan Sekolah Bestari yang Terbiar Kini Menjadi Sarang Penagihan Dadah Selain Tapak Pelupusan Sampah). Oleh itu, kekuatan atau peranan yang gigih dimainkan oleh seseorang ‘Pemimpin Pendapat’ turut merupakan pendorong kepada pertumbuhan ekonomi yang stabil. Jika seseorang pemimpin memainkan peranan yang berkesan dalam menjayakan projek ini maka seharusnya ia akan terus berjalan lancar tetapi sekiranya tindakannya lambat maka perkembangannya akan merosot. Ketokohan seseorang komunikator yang berkaliber dan mempunyai sifat karisma yang unggul dapat mempengaruhi khalayak secara berkesan, tetapi komunikator yang lemah akan melemahkan juga semangat khalayak yang menerimanya.

Secara keseluruhan, dapat disimpulkan selain media elektronik, media lain juga turut memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat kepada responden. Hasil kajian menunjukkan maklumat pelaksanaan aplikasi diterima oleh mereka dalam beberapa bentuk media seperti media elektronik, media cetak dan secara lisan. Namun, situasi dan persekitaran responden serta pengurusan dan pentadbiran *MDC* lebih banyak menghalang mereka untuk menerima maklumat secara sepenuhnya. Ini bukanlah bermakna peranan media itu tidak berkesan dalam menyampaikan maklumatnya tetapi keberkesanannya itu agak terbatas dan tidak mampu berkembang secara meluas.

Ekoran ini, responden kurang prihatin terhadap projek pelaksanaan multimedia dan keprihatinan ini mungkin wujud disebabkan mereka terlibat dalam penggunaan aplikasi multimedia. Kurang prihatin ini memberi pengertian bahawa responden hanya

prihatin pada tahap yang tertentu sahaja dan sekiranya diberikan anggaran peratusan, maka tahap keprihatinan mereka hanya pada tahap 60% sahaja.

Manakala selaku pelajar pula, mereka masih belum bersedia untuk menerima dan mengetahui projek tersebut secara mendalam kerana itu bukan tugas dan tanggungjawab mereka. Keperluan ini difikirkan perlu apabila mereka menjelak kaki ke gerbang pekerjaan dan waktu ini tugas itu menjadi penting kepada prestasi mereka. Hanya sebahagian sahaja daripada projek aplikasi ini diketahui oleh responden dan yang lainnya tidak langsung difahami oleh mereka. Wajar dikatakan kandungan maklumat aplikasi dalam media kurang dipaparkan dan sesetengahnya tidak difahami langsung oleh responden. Ini dibuktikan dengan maklumat aplikasi Jaringan Pengilang Sedunia dan Pemasaran Tanpa Sempadan. Apabila responden disuruh menyenaraikan inisiatif kerajaan yang mereka ketahui, tiada seorang pun daripada mereka yang menyenaraikan aplikasi ini (Rajah 4.22) dalam inisiatif pertama.

Satu lagi faktor yang memungkinkan media kurang memaparkan maklumat aplikasi ini ialah kerana pelaksanaan projek hanya ditetapkan dalam kawasan yang tertentu sahaja di lima buah bandar siber iaitu Cyberjaya, Taman Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Menara Kembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur. Maka dalam kawasan yang terhad, maklumat yang disebarluaskan turut terhad dan kekuatannya juga kurang. Dengan ini maklumat tidak mendapat perhatian dan sambutan daripada masyarakat secara menyeluruh. Faktor ini mengakibatkan media kurang memainkan peranannya secara berkesan dan berdasarkan data di atas, responden kurang mengetahui projek yang dilaksanakan oleh MSC.

Objektif ketiga mengukur:

5.3.3 Perbincangan Objektif Ketiga

Sejauh mana penglibatan pelajar dalam pelaksanaan ini selaku pelajar yang

bertanggungjawab dalam pembangunan negara

Pembangunan negara sering dikaitkan dengan model perancangan pembangunan yang telah dirancang terlebih awal. Teori Komunikasi Pembangunan mengandaikan bahawa sesuatu peningkatan itu boleh menjurus kepada pembangunan secara lahiriah dan menghasilkan suatu keadaan yang baik bagi pertumbuhan ekonomi dan politik, seterusnya mengarah kepada pembangunan negara.

Justeru itu, penglibatan generasi muda amat diperlukan selaku sumber tenaga manusia yang berinovasi dalam membentuk dan mencorakkan pembangunan negara. Sewajarnya mereka ini turut terlibat dan berganding bahu bersama dalam menjayakan projek pembangunan kerajaan. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden sememangnya turut terlibat dalam mendapatkan pengetahuan tentang *MDC* dan *MSC*, memberikan pandangan dan cadangan seperti dalam Jadual 4.42 atau Rajah 4.28 dan turut sama terlibat seperti dalam penggunaan Kad Pelbagai Guna. Peratus yang agak tinggi menunjukkan hampir 75.4% atau 905 pelajar dalam Jadual 4.34 atau Rajah 4.26(a) menyatakan mereka menggunakan teknologi kad ini seperti kad *ATM*, '*Touch N Go*', kad matriks pelajar dan sebagainya lagi. Sejumlah 20.7% atau 248 pelajar (Rajah 4.22) turut menyenaraikan Kad Pelbagai Guna sebagai inisiatif pertama mempromosikan penggunaan maklumat dan telematik.

Pengkaji juga mendapati mereka tidak terlibat langsung dalam aplikasi lain seperti kelompok Penyelidikan dan Pembangunan, Jaringan Pengilangan Sedunia dan Pemasaran Tanpa Sempadan sebagaimana yang dinyatakan dalam hujahan objektif pertama dan kedua. Secara menyeluruh responden hanya mengetahui senario aplikasi lain melalui media seperti televisyen, radio, surat khabar dan internet tetapi mereka tidak terlibat di dalam pengurusannya seperti Sekolah Bestari, Kerajaan Elektronik dan Teleperubatan.

Penglibatan responden dalam penggunaan ini merupakan desakan pihak tertentu yang melaksanakan implementasi ini pada peringkat awal. Teori Perhubungan Awam mengandaikan bahawa pihak tertentu bertindak selaku penghubung kepada khalayak untuk menyakinkan mereka dengan penggunaan kad ini. Oleh sebab itu, pendedahan secara berperingkat dimulakan dengan pelaksanaan penggunaan Kad Pelbagai Guna seperti kad pengenalan diri (MyKad), kad ATM, kad ‘*Touch N Go*’, kad matriks pelajar dan kad matriks pekerja. Kini kita dapat penggunaannya telah digunakan sebagai laluan untuk keluar masuk ke Sabah dan Sarawak, (Rujuk Lampiran F: Uji Guna MyKad ke Sabah, Sarawak 1 Mei). Penggunaan yang berperingkat ini dan dalam suasana yang wajib digunakan secara arahan akhirnya akan berjaya menarik khalayak menggunakan secara menyeluruh.

Oleh yang demikian, hasil kajian menunjukkan bahawa peratus yang tinggi menyatakan responden turut terlibat dalam penggunaan Kad Pelbagai Guna sahaja dan aplikasi lain hanya sebagai makluman yang secara tidak langsung turut diketahui oleh mereka. Penglibatan mereka mungkin berlaku selepas tamat pengajian khususnya yang akan bekerja pasti terlibat dengan konsep Kerajaan Elektronik. Begitu juga dalam beberapa tahun yang akan datang ini, kebanyakan responden akan mempunyai latar belakang pendidikan Sekolah Bestari dan mereka inilah yang akan terlibat secara langsung dalam aplikasi ini. Tetapi dalam konteks sekarang, responden tidak langsung mempunyai latar belakang yang tersebut kerana pelaksanaan Sekolah Bestari dilaksanakan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

Oleh yang demikian, pelaksanaan sesuatu projek yang dianggap besar kepada sumbangan negara harus mempunyai kekuatan dari segi promosinya dan implementasinya juga harus dilipatgandakan dengan tenaga dan daya usaha yang gigih. Dengan ini, kejayaan mungkin tercapai dalam tempoh perancangan yang telah ditetapkan. Begitu juga dengan aplikasi Teleperubatan, sekiranya gesaan dan usaha

diperkuatkan maka pelaksanaannya akan diterima oleh masyarakat secara keseluruhan. Sebagai kesimpulan, responden tidak terlibat dalam aplikasi lain selain penggunaan Kad Pelbagai Guna dan ini bukanlah bermakna mereka tidak boleh terlibat tetapi situasi dan tahap perkembangan aplikasi itu sendiri yang tidak membolehkan mereka turut terlibat.

5.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dirumuskan bahawa kajian mendapati tiga objektif yang dikaji itu mencapai matlamatnya tetapi tidak pada tahap seratus peratus. Keseluruhan kajian menunjukkan bahawa maklumat yang diberikan oleh responden adalah berdasarkan maklumat yang rasional kerana kajian melihat latar belakang responden sebagai pelajar yang matang. Hasil kajian mendapati kadar peratus yang sederhana tinggi diberikan oleh responden untuk aspek pengetahuan mereka terhadap pengenalan *MSC* dan *MDC* serta pengetahuan tentang aplikasi multimedia. Tetapi penglibatan mereka dalam aplikasi lain adalah pada tahap yang agak rendah kerana responden hanya terlibat dalam satu aplikasi sahaja iaitu penggunaan Kad Pelbagai Guna. Responden masih mengetahui tentang enam aplikasi lain walaupun tidak boleh terlibat dengannya kerana peranan yang dimainkan oleh media turut membantu menyalurkan maklumat ini kepada mereka. Media elektronik ternyata banyak membantu responden mendapatkan maklumat ini begitu juga dengan media cetak seperti surat khabar dan buku.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa pelaksanaan projek ini adalah sebagai agenda kerajaan yang tersenarai dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 – 2000) dan Kelapan (2001 – 2005) yang bertujuan untuk membangunkan negara. Dalam keadaan ini, apabila negara mengalami kemerosotan ekonomi maka perjalanan projek juga turut terjejas. Kajian menunjukkan penyebaran maklumat tentang pelaksanaan ini agak kurang dari segi kandungan dan kekuatan mesej itu sendiri walaupun saluran

media adalah pelbagai. Akibat ini ramai responden kurang jelas dengan penggunaannya dan maklumat yang diperoleh hanya sekadar untuk pengetahuan umum semata dan tidak dijadikan isu yang penting kepada mereka. Justeru, kajian mendapati responden tidak terlibat dengan enam aplikasi yang lain melainkan penggunaan Kad Pelbagai Guna.

Walau bagaimanapun, kajian berjaya melihat sejauh mana keprihatinan dan penglibatan responden terhadap pelaksanaan ini dan melihat sejauh mana berkesannya peranan yang dimainkan oleh media sebagai saluran maklumat. Rumusannya, kerajaan harus menguatkan lagi usaha dan implementasi mereka ke arah matlamat yang diinginkan oleh negara demi untuk pembangunannya.

5.5 Cadangan

Bagi mencapai tahap keprihatinan dan penglibatan responden sepenuhnya dan memastikan masalah kekuatan media dapat diatasi, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan dan penambahbaikan bagi mempertingkatkan kelemahan ini. Semoga cadangan boleh digunakan untuk kajian yang akan datang dan usaha dapat dikuatkan dalam perancangan pembangunan. Cadangan yang diutarakan adalah seperti yang berikut:

1. Kerajaan seharusnya menyediakan sejumlah peruntukan yang besar dan mencukupi bagi menangani projek pelaksanaan ini supaya ia berterusan dan tidak tergendala di pertengahan jalan.
2. Kandungan maklumat atau mesej yang dilaksanakan harus banyak, kuat, mantap dan jelas untuk disebarluaskan kepada khalayak bagi menarik perhatian mereka.

3. Kandungan mesej diperbanyakkan dan dipaparkan dalam penggunaan bahasa yang berkesan, menarik dan disebarluaskan dalam bentuk iklan di televisyen dan radio, serta dalam bentuk brosur, poster dan sebagainya.
4. Mengawal dan memperkuatkan peranan media serta menjadikanya lebih proaktif dalam penyebaran maklumat tentang *MSC* agar maklumat dapat disebarluaskan ke seluruh pelusuk negara.
5. Pengurusan *MDC* harus dilipatgandakan supaya pengendaliannya kukuh dan lebih agresif dalam menangani projek pembangunan ini, (Rujuk Lampiran G: Enam Pengarah Baru *MDC* Diumum).
6. Melantik seorang pegawai selaku pegawai Perhubungan Awam dari *MDC* untuk mengawal dan memantau perkembangan projek ini di setiap IPTA seterunya memantau penglibatan pelajar.
7. Sistem Pendidikan harus diselaraskan semula supaya pelajar didedahkan dengan kursus asas kemahiran diri yang pelbagai dan dijadikan kursus wajib kepada semua pelajar.
8. Mengadakan kursus wajib dalam pengajian pengetahuan am bagi semua tahap pengajian untuk mendedahkan pelajar dengan segala maklumat yang terkini dan yang diperlukan oleh kerajaan
9. Pihak kerajaan seharusnya menyediakan peruntukan khas bagi meningkatkan penggunaan komputer dan penggunaan asas internet boleh digunakan sepenuhnya oleh pelajar tanpa dikenakan bayaran.
10. Memperbanyakkan seminar, ceramah, bengkel dan kursus yang berkait dengan pelaksanaan ini dan mewajibkan semua pelajar terlibat dengannya sama ada selaku peserta ataupun ahli jawatankuasa yang menguruskan aktiviti tersebut.

5.6 Penutup

Pada keseluruhannya, didapati kajian yang dilakukan ini memberikan manfaat yang berguna kepada pihak kerajaan dan *MDC* terutamanya apabila kajian mendapati timbulnya kekurangan dari segi pengetahuan dan penglibatan pelajar dalam projek pelaksanaan ini. Keadaan ini membolehkan pihak yang tertentu membuat penilaian semula terhadap pelaksanaan projek ini dan pembaikan dibuat sama ada berdasarkan cadangan yang disenaraikan atau memperbaiki kelemahan dalam yang mungkin wujud.

Kita dapat bahawa pelaksanaan projek ini merupakan langkah yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu dan maju mengikut acuannya sendiri menjelang tahun 2020. Strategi pelaksanaan ini ternyata terkandung dalam Rancangan Jangka Panjang Pembangunan Malaysia yang bertujuan meletakkan negara di landasan yang kukuh dan menjadikannya lebih berdaya tahan dan berdaya saing. Kita selaku rakyat Malaysia seharusnya memberikan sokongan yang gigih ke arah pelaksanaan projek ini khususnya dalam mempertingkatkan pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi demi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Justeru, dalam membuat kajian ini, pengkaji tidak menghadapi sebarang kesukaran untuk mendapatkan maklumat balas daripada responden kerana semua responden memberikan kerjasama dan sokongan yang baik malah turut memberikan pandangan yang bernes kepada pengkaji. Walau pun begitu, sesetengah responden agak terburu-buru menjawab soal selidik yang diedarkan kerana mereka mengejar masa untuk ke dewan kuliah atau ke bilik studio untuk membuat tugas. Tetapi masalah ini tidak menggugat jawapan yang diberikan kerana mereka cukup rasional dalam memberikan jawapan.

Oleh itu, pengkaji turut mengalu-alukan agar semua golongan terus memberikan kerjasama dan menunjukkan semangat serta keazaman yang kuat kepada pelaksanaan projek ini dengan tujuan menjadikan Malaysia sebuah negara maju di dunia. Semoga kajian ini sedikit-sebanyak dapat memberikan manfaat kepada kita semua.